

30/01/2002

Kerajaan mungkin jual aset MAS bukan penerbangan

Misiah Taib

KERAJAAN mungkin menjual aset bukan penerbangan milik Penerbangan Malaysia (MAS), selepas penyusunan semula syarikat itu yang membabitkan pemindahan penyenaaraiannya kepada anak syarikat baru (Newco), dilakukan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, penjualan aset berkenaan akan dilakukan jika ada pihak yang berminat serta benar-benar mempunyai kelayakan membelinya.

Beliau berkata, program penyusunan semula MAS akan membolehkan semua aktiviti dan aset bukan penerbangannya dimiliki kerajaan dan oleh itu, mungkin ada pihak yang berminat membelinya.

Dengan memberikan contoh aset bukan penerbangan seperti MAS Catering dan MAS Engineering, Dr Mahathir berkata, sebagai permulaan ia akan dimiliki kerajaan tetapi mungkin ada pihak berminat membelinya.

Kelmarin, Pengarah Urusan MAS, Datuk Md Nor Yusof, mengumumkan syarikat itu akan memindahkan operasi perkhidmatan antarabangsanya termasuk penumpang dan kargo kepada Newco manakala ia hanya terbabit dengan operasi domestik.

Langkah itu bermakna, Newco terbabit akan hanya mengendalikan operasi perkhidmatan penerbangan penumpang antarabangsa dan kedua-dua khidmat kargo domestik serta antarabangsa.

"Yang lainnya akan diambil oleh kerajaan dan dijual kepada pembida yang benar-benar berkelayakan," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas satu persidangan, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di Kuala Lumpur, semalam.

Perdana Menteri turut menjelaskan bahawa dalam cadangan penyusunan semula yang diumumkan kelmarin, MAS sebenarnya tidak akan dibatalkan penyenaaraiannya.

"Saya mahu jelaskan perkara ini kerana laporan perniagaan dalam satu akhbar agak mengelirukan kerana orang menyangkakan kerajaan akan membentuk satu entiti baru yang dipanggil MAS.

"Padahal, hanya syarikat tersenarai itu yang mengendalikan operasi antarabangsa," katanya merujuk pengumuman MAS kelmarin bahawa operasi penumpang dan kargo antarabangsanya akan dikendalikan Newco terbabit.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan mencadangkan supaya MAS mengendalikan hanya penerbangan antarabangsa saja iaitu dengan menggunakan pesawat yang dipajak daripada kerajaan.

"MAS tidak akan memiliki sebarang pesawat. Ia seperti pengendali hotel yang mengendalikan hotel berkenaan tetapi tidak memilikinya.

"Kerajaan akan memajak pesawat itu kepada MAS. MAS akan mengendalikan penerbangan antarabangsa dan itulah syarikat yang akan mengambil tempat MAS yang sedia ada sekarang," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, syarikat penerbangan nasional itu akan mengendalikan penerbangan antarabangsa bagi pihak kerajaan. Bila mereka mengusahakan penerbangan domestik, kita akan bayar mereka," katanya.

(END)